

# Penuh bermakna



>>Oleh **Haidhar Hilmi**

metahad@hmetro.com.my

**B**ATU PAHAT: "Ini detik penuh bermakna dalam hidup saya apabila naik ke pentas sama buat kali ketiga selepas berjaya menamatkan pengajian di peringkat diploma, ijazah dan kini sarjana (master)," kata Mahfuzah Abd Salam, 27, semalam.

Mahfuzah yang masih berpantang selepas melahirkan anak ketiga 30 hari lalu menamatkan pengajiannya dan menerima Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal pada Konvokesyen Universiti Tun




**MAHFUZAH... cemerlang**

Hussien Onn Malaysia (UTHM) ke-12, di sini, semalam.

Menurut Mahfuzah yang juga penerima Anugerah Khas Alumni, dia bersyukur kerana berjaya menamatkan pengajian dengan dorongan suami serta keluarga.

"Saya menamatkan penga-



**HAFEEZ... kongsi ilmu**

jian di peringkat diploma pada 2006, diikuti ijazah pada 2010. Buat sementara, saya terpaksa menangguhkan pengajian di peringkat doktor falsafah, juga di UTHM, kerana perlu membesarkan anak terlebih dulu.

"Saya juga bersyukur kerana suami, Ahmad Zulfadli

Jusoh, 29, sentiasa memberi dorongan untuk saya meneruskan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi," katanya.

Menurut Mahfuzah, dia pada mulanya kekok untuk belajar dan pada masa sama mengandung, namun akhirnya menganggapnya sebagai perkara biasa.

Mahfuzah seorang daripada 2,775 graduan yang menerima diploma dan ijazah pada konvokesyen UTHM kali ini.

Sementara itu, bagi penerima Anugerah Khas Alumni dan Anugerah Naib Canselor, Tuan Mohd Hafeez Tuan Ibrahim, 24, dia bersama rakan kerap mengadakan kelas pembelajaran secara percuma bagi berkongsi ilmu dengan penuntut lain.